

## BAB SATU

### PENGENALAN

#### 1.0 Pendahuluan

Disiplin dan sekolah merupakan dua aspek yang penting dan tidak dapat dipisahkan dalam sistem pendidikan. Ia saling berkaitan dalam institusi persekolahan.

Menurut Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran, disiplin ialah " .... Kesanggupan seseorang individu menghormati dan mematuhi undang-undang sama ada disiplin itu dikenakan dari luar atau dengan kerelaan sendiri .... Kesanggupan seseorang itu bekerja atau membuat sesuatu dengan cukup tertib, kesanggupan menghormati hak orang lain, kesanggupan mengamalkan tingkah laku yang baik dan tidak menganggu kepentingan orang lain, kesanggupan hormat-menghormati di antara satu dengan lain dan mempunyai semangat tolong-menolong dan kesanggupan membaiki keadaan yang sedia ada menerusi usaha yang membina serta sanggup berkhidmat kepada masyarakat . "

Dasar disiplin sekolah hendaklah berasaskan kepada prinsip-prinsip berikut :

- Keadilan dan layanan sama rata.
- Pertimbangan minat dan keperluan murid.

- Kebebasan.
- Menghormati individu sebagai seorang manusia.
- Perhubungan baik sesama manusia dan kehidupan harmoni.
- Perpaduan Negara.

Dalam membincangkan disiplin kita tidak harus lupa tentang proses disiplin. Sebenarnya proses disiplin ini mementingkan 3 bidang yang saling berkaitan antara satu sama lain . Iaitu :-

- a. Matlamat disiplin.
- b. Kaedah perlaksanaan disiplin
- c. Kesan penerimaan disiplin.

Pada umumnya ahli-ahli psikologi telah mengkaji masalah-masalah murid terutamanya kaum remaja dari lingkungan umur 12 - 18 tahun. Hasil dari kajian ini mereka telah mengesan bahawa jangka masa umur dari 12 hingga 18 tahun adalah satu jangka masa yang kritikal dalam perkembangan hidup seseorang manusia. Murid-murid yang berada dalam peringkat awal remaja iaitu dari 12 hingga 15 tahun sering menghadapi masalah-masalah seperti jasmani, masalah sekolah,masalah peribadi,emosi, sosial dan sebagainya. Masalah-masalah begini boleh membawa kepada perlanggaran disiplin sekolah.

Dalam membincangkan masalah disiplin kita tidak harus lupa peranan yang dimainkan oleh sekolah. Ini kerana sekolah merupakan satu institusi sosial yang memainkan peranan penting untuk mendidik para pelajar dengan membentuk mereka ke arah insan yang boleh berdikari, berinteraksi dan bekerjasama serta boleh menghayati norma-norma hidup supaya boleh diterima oleh seluruh lapisan masyarakat. Di dalam sistem persekolahan disiplin adalah satu bentuk pendidikan. Disiplin diperlukan di sekolah untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang positif. Ini kerana sekolah bukan sahaja memelihara disiplin malah membina disiplin di kalangan pelajar-pelajarnya.

Mengikut pandangan Siti Hawa (1998) sepatutnya di sekolah tidak patut wujud perlakuan yang negatif di kalangan pelajar. Namun begitu sistem persekolahan di negara kita masih menghadapi masalah untuk melahirkan satu generasi pelajar yang berdisiplin dan berkualiti positif. Ini kerana sesuatu perbuatan dilakukan dengan tidak mengikut peraturan sekolah. Sebenarnya terdapat pelbagai masalah perlanggaran disiplin sekolah di kalangan para pelajar. Nampaknya masalah disiplin ini lebih serius di kalangan pelajar sekolah menengah. Mereka sanggup melakukan perbuatan tidak berdisiplin seperti merokok, bertumbuk, melawan guru, menyertai kongsi gelap, mengugut pelajar, menggunakan kata-kata lucu, ponteng kelas, ponteng sekolah, merosakkan harta benda sekolah,

membuat bising , tidak buat kerja rumah, tidak bawa buku, datang lewat ke sekolah, berambut panjang, berjudi dan sebagainya.

Berikut adalah satu contoh jadual salah laku di kalangan murid sekolah pada tahun 1993 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan. Jadual 1 menunjukkan bilangan yang besar terlibat dalam masalah disiplin sekolah. Sebagai contohnya kita dapat lihat di mana kesalahan ponteng oleh pelajar sekolah menengah mencatatkan bilangan sebanyak 45335 orang pelajar.

Jadual 1

Salah laku Di Kalangan Murid Sekolah - 1993

---

Jenis Salah laku	Sek.Rendah	Sek.Menengah
Jenayah	11,522	16643
Lucah	1338	31172
Kekemasan Diri	3197	15026
Tidak pentingkan masa	3484	17379
Kurang sopan	8410	21713
Laku musnah	2392	2299
Tidak Jujur	825	1781
Ponteng	8426	45335
Lain-lain	2797	7952

---

Sumber : Kementerian Pendidikan

Sesungguhnya segala salah laku yang berkaitan dengan masalah disiplin pelajar sekolah tidak boleh dipandang sepi atau remeh temeh sahaja. Ini kerana masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah terus menerus menjadi bahan dan isu yang hangat dibincangkan di media tempatan. Sekiranya kita membaca akhbar-akhbar tempatan kita sering diketengahkan dengan kes perlanggaran disiplin terutamanya yang berat atau serius. Semua ini membuktikan dengan jelas bahawa masalah disiplin sekolah tetap mendapat perhatian serius dari segenap lapisan masyarakat.

Selanjutnya sesuatu tindakan harus diambil bagi membendung atau mengatasi masalah disiplin ini dengan kadar segera. Untuk itu semua golongan termasuk ibubapa, masyarakat dan kerajaan perlu bersama berganding bahu bagi menyelesaikan masalah ini. Sesungguhnya penglibatan secara menyeluruh oleh semua pihak yang berkaitan dengan masalah disiplin pelajar tidak boleh dibuat secara sambil lewa kerana masalah ini bagaikan barah yang mengancam nyawa.

## **1.1 Faktor Perlanggaran Disiplin**

Keruntuhan disiplin dikalangan pelajar wujud disebabkan beberapa faktor.

Antaranya ialah faktor rakan sebaya, faktor keluarga dan faktor diri sendiri.

### **1.1.1 Faktor Rakan Sebaya**

Seseorang pelajar mempunyai hubungan yang rapat dengan rakan sebaya. Sikap rakan sebaya mempengaruhi tingkah laku dan perwatakan rakan. Ini kerana menurut Connell (1981) remaja selalu menumpukan perhatian untuk mendapat iktiraf dan identiti di dalam kumpulan remaja. Mereka menyedari kumpulan setara ini banyak membantu menjelaskan identiti diri sendiri. Ini kerana dalam banyak bidang kegiatan harian kemungkinan menampakkan sikap kumpulan rakan sebaya yang dia berada di dalamnya. Mereka menghabiskan banyak masa bersama seperti melepak di pusat membeli belah, melibatkan diri dalam aktiviti yang tidak berfaedah dan sebagainya. Pelajar-pelajar yang berada dalam kumpulan ini juga akan berani melakukan perlanggaran disiplin sekolah.

Menurut Abdul Hadi (1975) bahawa faktor-faktor yang berkaitan dengan keruntuhan moral di kalangan gadis remaja ialah pengaruh pasangan atau rakan sebaya. Ini mengambarkan ada kemungkinan pelajar yang terlibat dalam masalah disiplin mempunyai rakan sebaya yang turut terlibat dalam perlanggaran disiplin. Menurut Diehl (1997) perhubungan

rakan sebaya memainkan peranan penting dalam perkembangan sosial dan kognitif. Hallinan (1990) dalam kajiannya menyatakan bahawa pelajar lebih peka untuk meniru tingkah laku rakan sebaya yang dihormati. Mereka ini memiliki ciri-ciri yang sama untuk mengekalkan kesetiaan dalam hati. Mereka ini mempunyai minat dan masalah yang sama. Mereka juga cenderung untuk melakukan kesalahan disiplin bersama kerana pengaruh rakan sebaya terhadap diri mereka adalah kuat.

Satu kajian yang dijalankan di Malaysia oleh Zuraidah (1990) terhadap pelajar-pelajar Melayu bahawa faktor rakan sebaya merupakan salah satu faktor yang turut mempunyai hubungan rapat dengan perlanggaran disiplin di sekolah. Beliau menambah bahawa mereka sering berkumpul kerana masalah mereka selalunya lebih kurang sama seperti kurang minat dan lemah dalam pelajaran, bosan dan sering tidak diterima oleh murid yang lebih pandai. Ciri-ciri persamaan ini sering beri peluang untuk mereka bersama-sama menerima kehadiran pelajar yang bermasalah. Rakan-rakan kerap berhubung antara satu sama lain untuk mendapatkan sokongan moral, bersama-sama membincangkan masalah perasaan mereka. Peluang ini mengukuhkan lagi perbuatan terikut-ikut dengan ahli kumpulan untuk melakukan perlanggaran disiplin.

### **1.1.2 Faktor Keluarga**

Keluarga adalah asas kepada semua kehidupan sosial. Ibubapa adalah orang yang berperanan penting untuk memberi bimbingan , nasihat dan tunjukajar kepada anak-anak. Merekalah yang mencorakkan keperibadian anak-anak mereka. Edwards (1993) menyatakan bahawa masalah disiplin sekolah adalah berpunca dari masalah keluarga. Beliau berpendapat rumah tangga dan persekitaran mempengaruhi tingkah laku anak-anak. Jika ibubapa kurang menghabiskan masa di rumah maka anak-anak pula sering akan mencari pengalaman sosial di luar rumah dan pengalaman ini kadang-kadang tidak sesuai dengan anak-anak. Ibubapa pula rasa berpuashati dengan hanya memberikan keselesaan dan kemewahan tanpa mencerahkan kasih sayang yang secukupnya.

Hciss (1996) berpendapat bahawa punca utama masalah kemerosotan disiplin remaja disebabkan oleh kurangnya kasih sayang keluarga berbanding dengan faktor lain. Pendapat beliau ini disokong oleh seorang pendidik dari Amerika iaitu Davidson (1990). Beliau menyatakan bahawa anak-anak tanpa bapa menghadapi masalah sosial remaja yang paling teruk. Seorang pengkaji dari Malaysia iaitu Zuraidah (1990) menyatakan bahawa sebab-sebab perlanggaran disiplin di kalangan pelajar-pelajar Melayu di sekitar Bandar Batu Pahat adalah disebabkan faktor persekitaran keluarga.

Menurut Model Behavirisme, pembentukan personaliti yang tidak berdisiplin adalah kerana remaja banyak menerima rangsangan yang negatif serta memberikan tindak balas yang bersifat anti sosial. Model ini membuat andaian sekiranya seorang anak melihat ahli keluarganya terlibat dalam permainan judi atau merompak maka ia akan belajar untuk mengikuti contoh tingkah laku tersebut. Ibubapa adalah model yang paling dekat dengan anak-anak. Oleh yang demikian ibubapa perlu menunjukkan model tingkahlaku yang positif supaya ia menjadi ikutan anak-anak. Sebaliknya tingkahlaku negatif yang dipamerkan oleh ibubapa sering menjadi ikutan anak-anak. Keadaan beginilah membentuk anak-anak menjadi agresif, kasar dan berani berlawanan dengan kawan-kawan atau guru serta bertindak melulu dengan melanggar disiplin sekolah.

Ruhiyati (1978) berpendapat bahawa murid-murid dari keluarga yang sosio ekonomi yang rendah kerap melanggar disiplin sekolah seperti ponteng sekolah berbanding dengan pelajar yang datang dari taraf sosio ekonomi yang tinggi. Beliau juga berpendapat murid-murid dari keluarga miskin juga menunjukkan kadar perlanggaran disiplin yang lebih tinggi. Ini kerana ibubapa yang miskin kurang berupaya memastikan anak-anak mereka mendapat kelulusan atau kejayaan dalam pelajaran. Mereka hantar anak-anak ke sekolah semata-mata atas desakan masyarakat. Ibubapa sering abaikan pelajaran anak-anak. Anak-anak yang miskin kurang mengetahui tentang kepentingan akademik dan sentiasa ragu-ragu tentang

kemampuan mereka. Oleh yang demikian mereka ini kadang-kadang bersikap negatif terhadap sekolah dan mudah melanggar disiplin sekolah.

Bacham (1971) yang menjelaskan sekiranya ibubapa meluangkan masa dan sentiasa beri perhatian tentang tingkah laku anak, maka ini dapat membolehkan anak mereka berdisiplin. Akan tetapi apa yang berlaku ialah ibubapa yang bersikap sambil lewa dan serahkan tugas mendidik anak sepenuhnya kepada pihak sekolah. Oleh kerana ketiadaan pengawalan dan peraturan yang tegas di rumah menyebabkan anak lebih agresif dengan tindakannya melanggar disiplin sekolah.

Jenkin(1995) menyatakan bahawa ibubapa yang mempunyai pelajaran yang tinggi suka menggalakkan anak-anak mereka aktif di sekolah dibandingkan dengan ibubapa yang kurang berpelajaran. Beliau juga berpendapat pelajar-pelajar yang aktif dalam kegiatan sekolah kurang melibatkan diri dalam masalah disiplin. Beliau juga menerangkan terdapat hubungan rapat antara ibubapa yang berpelajaran tinggi dengan sekolah dan aktiviti sekolah.

Rankin (1983) berpendapat bahawa krisis rumah tangga seperti perceraian dan perpecahan keluarga akan menyebabkan remaja melakukan tindakan agresif dan tidak bermoral. Suasana keluarga yang kucar-kacir dan tidak harmonis akan menyebabkan anak-anak bersikap anti-sosial.

Anak-anak ini akan menjalani tekanan emosi yang menjadikannya cepat naik marah dan membentuk tingkah laku agresif dan bertindak kasar.

### **1.1.3 Faktor Diri Sendiri**

Kadang-kadang kita perhatikan pelajar yang melakukan kesalahan disiplin kerana perasaan dan emosi mereka terganggu. Menurut Laporan Kementerian Pendidikan Malaysia tentang Salahlaku Disiplin Pelajar Sekolah Malaysia 1993 telah menunjukkan bahawa bilangan terbesar pelajar melanggar disiplin sekolah adalah kerana diri sendiri. Menurutnya kebanyakannya perlakuan tidak berdisiplin berpunca dari rasa marah , kecewa dan bimbang akibat daripada kejadian di sekolah. Dalam kajian ini seramai 103,777 orang pelajar sekolah menengah melakukan perlanggaran disiplin berpunca daripada faktor diri sendiri. Kajian ini menjelaskan keadaan ini wujud kerana pelajar-pelajar ini kurang berminat untuk belajar, kurang bermotivasi diri, malas dan daya tumpuan dalam pelajaran yang kurang. Pelajar-pelajar begini mudah terlibat dalam masalah disiplin di sekolah kerana gagal mengendalikan masalah peribadi.

Model Humanistik menekankan konsep kendiri, pertumbuhan dan potensi diri serta kepuasan kendiri. Model ini mengandaikan manusia menentukan tingkahlakunya sendiri. Model ini mengandaikan sekiranya potensi individu tidak berkembang atau kepercayaan tidak dipenuhi, maka

wujudlah gangguan emosi. Gangguan -gangguan begini mendapati pelajar akan menghadapi masalah pencapaian akademik yang rendah. Pencapaian pelajaran tidak membawa apa-apa makna kepada mereka . Mereka lebih gembira bermain dan berseronok di sekolah. Keadaan begini mudah membawa kepada perbuatan melanggar peraturan sekolah.

Model Existential pula mementingkan makna kewujudan diri dan kemanusiaan. Individu perlu membuat interaksi yang bermakna agar tidak wujud pengasingan diri atau kesunyian . Bila pelajar-pelajar ini gagal memahami diri sendiri ia akan membawa kegagalan memahami orang lain di persekitaran. Akibatnya wujudlah ketegangan yang boleh mendorong kepada melanggar disiplin sekolah.

Pada pendapat Coleman (1976) individu yang sukar berkomunikasi adalah individu yang menghadapi konflik yang tidak dapat diselesaikan. Individu adalah makluk sosial yang memerlukan perhubungan dengan individu lain kerana manusia hidup bermasyarakat. Pelajar-pelajar perlu memahami peranan dalam masyarakat. Mereka perlu berkompromi dalam satu-satu perhubungan seharian untuk mewujudkan perhubungan yang memuaskan .Akan tetapi komunikasi yang ditunjukkan oleh pelajar tidak berkompromi membawa kerisauan kepada diri mereka. Kerisauan emosi ini memberi kesan negatif kepada tingkah laku dan berlaku penyelewengan tingkah laku dalam mengikuti disiplin di sekolah.

## **1.2 Batasan Kajian**

Kajian ini merupakan kajian kes yang dijalankan di sebuah sekolah menengah. Empat orang pelajar sahaja telah dipilih untuk dijadikan sampel kajian. Ini bermakna dapatan kajian ini tidak dapat dibuat generalisasi terhadap pelajar-pelajar sekolah menengah atau pelajar-pelajar tingkatan yang lain .Ini adalah kerana suasana latarbelakang keluarga pelajar yang berbeza , malah peribadi pelajar yang berbeza dan faktor persekitaran pelajar yang berbeza.

Dapatan kajian ini juga tidak boleh digeneralisasikan kepada pelajar-pelajar perempuan. Empat orang yang dipilih sebagai sampel kajian adalah merupakan pelajar lelaki sahaja. Ini adalah kerana sekolah pemilihan sampel kajian adalah 100 peratus lelaki. Maklumat yang diperolehi daripada daripada kajian kes ini hanya menerangkan masalah disiplin yang terlibat oleh 4 orang pelajar ini.

## **1.3 Definisi Istilah**

Menurut Laporan Kabinet 1979 disiplin ditakrifkan sebagai kesanggupan seseorang untuk bekerja atau membuat sesuatu dengan cukup tertib, kesanggupan menghormati hak orang lain , kesanggupan menghormati di antara satu dengan lain, mempunyai semangat tolong-

menolong dan kesanggupan membaiki keadaan yang sedia ada menerusi usaha yang membina serta sanggup berkhidmat kepada masyarakat.

Mengikut Kamaruddin (1994), disiplin merujuk kepada kawalan diri, keadaan bilik darjah yang teratur, kursus pengajaran yang sistematik, cara yang menetapkan peraturan atau hukuman. Disiplin pada peringkat sekolah mencakupi peraturan yang dikenakan kepada pelajar dengan tujuan mengawal tingkah laku mereka melalui hukuman dan ganjaran.

Pendek kata disiplin adalah merangkumi tatatertib, tatasusila, keadaban, akhlak , kesopanan dan sebagainya. Pelajar yang mematuhi peraturan tatatertib sekolah dianggap sebagai pelajar yang berdisiplin. Tatatertib yang diamalkan oleh pihak sekolah termasuklah kehadiran ke sekolah, kebersihan diri, kesopanan pengurusan diri , ketepatan masa belajar dan sebagainya. Segala peraturan yang melanggar peraturan sekolah dianggap sebagai masalah disiplin.

Mengikut pengkaji "rakan sebaya" ialah terdiri seorang lelaki dan seorang perempuan atau kumpulan yang mempunyai minat yang sama dan melakukan aktiviti bersama. Rakan sebaya mempunyai semangat kesetiaan terhadap kumpulan. Rakan sebaya yang dimaksudkan adalah di sekolah atau di luar sekolah.

Mengikut pengkaji "keluarga" ialah merujuk kepada ibubapa dan adik beradik subjek. Mereka tinggal bersama di sebuah rumah. Peranan ibubapa ialah memberi pelajaran dan mengawal disiplin anak.

Mengikut pengkaji "diri sendiri" adalah merujuk kepada subjek kajian yang terlibat dalam perlanggaran disiplin. Dalam kajian ini pengkaji akan mengkaji tingkah laku, sikap, minat, masa lapang, interaksi dengan kawan, interaksi dengan ahli keluarga dan masalah pembelajaran .

#### **1.4 Tujuan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sejauhmana faktor rakan sebaya , keluarga dan diri sendiri mempengaruhi masalah disiplin pelajar. Untuk tujuan itu pengkaji telah memilih empat orang pelajar melakukan kajian kes.

### **1.5 Persoalan**

- i. Adakah faktor rakan sebaya mempengaruhi masalah disiplin pelajar Tingkatan 2 ?
- ii. Adakah faktor keluarga mempengaruhi masalah disiplin pelajar Tingkatan 2 ?
- iii. Adakah faktor diri sendiri mempengaruhi masalah disiplin pelajar Tingkatan 2 ?